

**Perbandingan Konsep Ketepatan dalam Perbahasan
Epistemologi Muslim Liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah**

**Comparison of the Concept of Correspondence in the
Epistemological Discourse in Liberal Muslims and Ahli Sunnah
Wal Jamaah**

Maryam Habibah Kamis

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.
maryamhabibah997@gmail.com

Mohd Fauzi Hamat

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.
mfhamat@um.edu.my

Wan Adli Wan Ramli

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.
wanadli@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol52no2.3>

Abstract

Correspondence is an important element of the Islamic epistemological debate. However, a survey of two schools of Islamic thought, namely liberal Muslims and Ahli Sunnah Wal Jamaah as presented by al-Baghdadi, found that each has a different conceptions of the concept of correspondence within their theory of knowledge. This article analyzes the comparison of the concept of correspondence in the epistemological debates of liberal Muslims and Ahli Sunnah Wal Jamaah. The results shows that liberal Muslims do not affirm the elemen of the meaning the correspondence of the meaning to the reality as it is since the theory is based on human contingency, sociological and psychological limitations and context in contrast to Ahli Sunnah Wal Jamaah who affirm the elemen of the meaning the correspondence of the meaning to the reality as it is. The whole formulation implies that correspondence must be affirm because correspondence is one of the elements of knowledge.

Keywords: Epistemology; liberal Muslims; correspondence; definition of knowledge; Ahli Sunnah Wal Jamaah

Abstrak

Ketepatan merupakan elemen yang penting dalam perbincangan epistemologi Islam. Walau bagaimanapun, tinjauan terhadap dua aliran pemikiran Islam iaitu Muslim liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti yang dibentangkan oleh al-Baghdadi mendapati masing-masing mempunyai konsepsi yang berbeza terhadap konsep ketepatan dalam teori ilmu. Artikel ini menganalisis perbandingan konsep ketepatan dalam perbincangan epistemologi Muslim liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hasil kajian menunjukkan bahawa Muslim liberal tidak mensabitkan ketepatan makna kepada hakikat sebagaimana ianya berdasarkan kepada faktor keterbatasan manusia, sosiologi dan psikologi serta konteks berbeza dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mensabitkan ketepatan makna kepada hakikat sebagaimana ianya. Rumusan keseluruhannya menunjukkan bahawa ketepatan mesti disabitkan kerana ketepatan adalah salah satu elemen ilmu.

Kata Kunci: Epistemologi; Muslim liberal; ketepatan; definisi ilmu; Ahli Sunnah Wal Jamaah

Pengenalan

Konsep ketepatan makna kepada hakikat merupakan elemen yang penting dalam perbincangan epistemologi Islam. Walau bagaimanapun, tinjauan terhadap dua aliran pemikiran Islam iaitu Muslim liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti yang dibentangkan oleh al-Baghdadi mendapati masing-masing mempunyai konsepsi yang berbeza terhadap konsep ketepatan makna kepada hakikat dalam teori ilmu. Elemen ketepatan dalam definisi ilmu dapat dibahagikan kepada dua perbincangan iaitu hakikat dan ketepatan makna kepada hakikat. Maka, kedua-dua elemen ini penting dalam membincangkan mengenai elemen ketepatan makna dengan hakikat dalam definisi ilmu. Perbincangan mengenai elemen ketepatan makna kepada hakikat dalam definisi ilmu juga merujuk kepada teori keselarasan. Walau bagaimanapun, dapat dikenal pasti bahawa pendekatan pasca modenisme nampaknya menjadi landasan bagi Muslim liberal dalam mengemukakan idea mereka. Dalam falsafah Barat, pasca modenisme adalah suatu bentuk pemikiran yang berpegang kepada keraguan ilmu (skeptisisme), kebenaran yang terhad menurut perspektif (subjektivisme), dan penolakan kebenaran mutlak (relativisme)¹ khususnya terhadap epistemologi. Pendekatan pasca modenisme dalam pemikiran Muslim

¹ Brian Duignan, "Postmodernism," laman sesawang *Encyclopaedia Britannica*, diakses 10 Oktober 2018, <https://www.britannica.com/topic/postmodernism-philosophy>.

liberal dapat dikenal pasti terthonjolnya asas epistemologi yang berbeza khususnya dalam aspek ketepatan makna kepada hakikat.

Hakikat Menurut Muslim Liberal

Menurut Muslim liberal, hakikat sesuatu itu ada, tetapi tidak boleh ditanggapi oleh pancaindera dan minda akan bentuk atau zat kewujudannya pada tahap fenomena. Muslim liberal mengakui kewujudan hakikat sesuatu pada dirinya atau zatnya atau *jawharnya*. Abou El Fadl² mendefinisikan hakikat iaitu sifat sebenar sesuatu atau sifat sebenar yang wujud dan inti pati sesuatu. Fenomena pula istilahkan oleh Abou El Fadl sebagai *consciousness*.³ Soroush⁴ menyatakan bahawa hakikat adalah realiti pada dirinya sendiri ‘*thing in itself*’.⁵ Perbincangan mengenai hakikat dihuraikan oleh Soroush dengan memetik pendapat Kant yang mengatakan bahawa hakikat itu di luar tanggapan akal dan tak dapat dicapai. Namun, pendapat ini tidak menjadi pegangan bagi Soroush. Beliau merujuk kepada pandangan Schopenhauer yang mengatakan bahawa hakikat dan fenomena mempunyai hubungan. Dengan kata lain, menurutnya, hakikat tidak semestinya tidak dapat dicapai. Ini menunjukkan bahawa Soroush mengiktiraf hakikat dan istilah yang digunakan sebagai hakikat diungkapkan sebagai *in itself* (things in itself) dan fenomena diistilahkan sebagai *for us* (things for us).⁶ Rumusannya, Muslim liberal mengiktiraf mengenai kewujudan hakikat.

² Khaled Abou El Fadl dilahirkan pada 23 Oktober 1963 di Mesir. Beliau merupakan seorang profesor dalam bidang fiqh (hukum Islam) di Universiti California, Los Angeles (UCLA), Amerika Syarikat. Abou El Fadl merupakan seorang tokoh Muslim liberal yang mempunyai pandangan terbuka dalam hukum Islam, hak asasi manusia dan kesetaraan gender. Namun, fokus utama pemikirannya dalam penulisan ini merujuk kepada aspek ketepatan makna kepada hakikat.

³ Khaled Abou El Fadl, “The Epistemology of The Truth in Modern Islam,” *Journal Philosophy and Social Criticism* 41 (2015), 473–486.

⁴ Abdul Karim Soroush dilahirkan pada 16 Disember 1945 di Iran. Beliau merupakan seorang pemikir dan intelektual terkemuka dalam bidang falsafah khususnya epistemologi. Pemikiran utama beliau yang dikaji dalam penulisan ini adalah berkaitan dengan aspek ketepatan makna kepada hakikat.

⁵ Ibid.

⁶ Abdul Karim Soroush, *The Expansion of Prophetic Experience: Essays on Historicity, Contingency and Plurality in Religion: In The Expansion of Prophetic Experience* (Leiden: Brill, 2009), 175-176.

Ketepatan Makna Kepada Hakikat Menurut Muslim liberal

Secara epistemologi, soal ketepatan makna kepada hakikat merupakan salah satu daripada elemen yang penting dalam definisi ilmu. Muslim liberal tidak membincangkan elemen ketepatan makna kepada hakikat secara khusus dalam definisi ilmu, namun berdasarkan beberapa perbincangan yang saling berkaitan dapat dikenal pasti bahawa Muslim liberal ada membincangkan mengenai idea ketepatan secara umum dalam karya penulisan mereka. Contohnya, ketepatan dihuraikan oleh Abou El Fadl menurut perspektifnya yang tersendiri iaitu keterbatasan manusia seperti sifat tidak maksum dan tidak sempurna mempengaruhi ketepatan makna terhadap hakikat:

As a Muslim, I accept it as an 'is' and I believe 'it is' because 'it is'. Be that as it may, other than its metaphysical existence, Islam has a physical earthly existence as well, and in that realm, there is no escaping the challenge of human agency and the fact of human based contingencies.⁷

Berdasarkan kenyataan di atas, Abou El Fadl membincangkan mengenai hakikat dan makna melalui petikan "*I accept it as an 'is' and I believe 'it is' because 'it is'.*" Perkataan 'is' dalam "*I accept it as an 'is'.*" ini merujuk kepada hakikat dan 'is' dalam kenyataan "*I believe 'it is'.*" ini merujuk kepada makna. Apabila diteliti, sekiranya beliau ingin merujuk kepada hanya satu hakikat sahaja, perkataan yang sepatutnya digunakan adalah *the 'is'*, bukan *an 'is'* yang merujuk sebagai salah satu daripada hakikat sahaja. Ini menunjukkan bahawa beliau berpendapat bahawa terdapat kewujudan beberapa hakikat. Walau bagaimanapun, pandangan Muslim liberal memperlihatkan mereka berpegang bahawa makna tidak dapat menepati hakikat, malah ada sudut pandangan lain yang menganggap hakikat itu yang mengikuti makna khususnya dalam konteks pluralisme seperti yang dibincangkan oleh Soroush.

Seterusnya, kenyataan "*be that as it may, other than its metaphysical existence, Islam has a physical earthly existence as well*" bermaksud bahawa Islam wujud dalam dua tahap iaitu kewujudan metafizik yang berada pada tahap hakikat dan kewujudan fizikal alam

⁷ Khaled Abou El Fadl, *Reasoning with God: Reclaiming Shari'ah in The Modern Age* (New York: Rowman & Littlefield, 2014), 15.

dunia yang berada pada tahap makna. Berikutan itu, Islam pada tahap hakikat tidak dapat dicapai kerana ia adalah Islam pada kewujudan metafizik. Islam pada kewujudan metafizik adalah bersifat abstrak dan di luar jangkauan pengetahuan manusia. Manakala, capaian manusia hanya terbatas kepada Islam pada tahap fenomena iaitu pada kewujudan fizikal alam dunia. Dengan kata lain, Islam pada tahap makna dapat dicapai. Secara tersiratnya, beliau menyatakan bahawa Islam pada kewujudan metafizik tidak bergantung kepada capaian manusia. Namun, Islam dalam kewujudan alam dunia bergantung kepada manusia. Maka, manusia tidak dapat mencapai makna mengenai Islam secara bertepatan dengan hakikat. Hal ini berlaku kerana keterbatasan manusia seperti sifat tidak maktum dan tidak sempurna menghalang capaian manusia dalam menanggapi hakikat Islam sebagaimana ianya.

Dapat dicerakinkan bahawa menurut Abou El Fadl secara abstraknya, sesuatu itu boleh wujud secara metafizik, dan apabila ia difahami pada perkara praktikal atau pelaksanaan atau pengamalan oleh manusia, maka perkara tersebut mempunyai tahap kewujudan fenomenologi. Apa yang disebut oleh beliau memang terhad kepada Islam sahaja yang wujud sebagai satu wahyu yang bersifat metafizik dan bersifat fenomena apabila difahami dan diamalkan oleh Muslim dalam dunia ini, tetapi berbalik kepada konsep abstraknya, bagaimana pula dengan kewujudan Allah SWT secara metafizik dan kefahaman dan kesedaran manusia mengenai kewujudan Allah SWT atas dunia ini, adakah kefahaman manusia mengenai kewujudan Allah SWT juga boleh dipisahkan epistemologi tersebut kepada tahap metafizik dan fenomenologi? Berdasarkan kepada epistemologi, kefahaman manusia mengenai kewujudan Allah SWT atau Tuhan adalah satu pada kewujudan fizikal alam dunia adalah tidak bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya.

Selain itu, dapat dihuraikan mengenai contoh lain yang lebih khusus mengenai Islam adalah berkenaan dengan mengucap dua kalimah syahadah dalam rukun Islam yang pertama. Ini bermaksud menurut pemikiran Abou El Fadl, tuntutan syahadah pada tahap kewujudan metafizik dan kefahaman dan pengikraran syahadah oleh Muslim pada tahap fenomenologi itu adalah sesuatu yang tidak sempurna dan tidak pernah mencapai ketetapan tuntutan syahadah yang berada dalam metafizikal. Berdasarkan kepada epistemologi ini, tuntutan syahadah pada tahap kewujudan metafizik dan kefahaman

serta pengikraran syahadah oleh Muslim pada tahap fenomenologi atau kewujudan fizikal alam dunia adalah tidak bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya. Dengan kata lain dapat disimpulkan bahawa beliau mempertegaskan bahawa baginya makna yang sampai ke dalam diri seseorang tidak akan bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya disebabkan keterbatasan manusia.

Seterusnya, Moosa⁸ mempunyai pendirian yang sama tetapi dalam perspektif yang berbeza dengan Abou El Fadl. Beliau berpendapat bahawa faktor sosiologi dan psikologi mempengaruhi persepsi atau makna terhadap hakikat. Menurutnya:

Knowledge of the truth, ... is contingent upon the conditions for knowing the truth. (...). In other words, ... sociological and psychological factors shape knowledge and its reception. ... (An) important principle (is) that ideas and beliefs, even the truth, are organically constructed within social and political environment⁹

Berdasarkan kenyataan ini, Moosa menyatakan soal manusia sebagai agen untuk mengetahui sesuatu secara tepat dapat dicambahkan kepada dua kategori, iaitu faktor sosiologi dan faktor psikologi. Faktor sosiologi merujuk kepada kebenaran itu diterima faktor daripada persepsi pengaruh daripada masyarakat atau pengaruh masyarakat terhadapnya atau faktor interaksi yang timbul daripada perkumpulan manusia atau interaksi sosial sesama mereka. Faktor psikologi pula merujuk kepada perasaan, jiwa, mental dan emosi seseorang individu seperti sedih, gembira, cinta, kecewa, semangat, marah dan benci mempengaruhi persepsi terhadap kebenaran. Kedua-dua faktor ini mempengaruhi persepsi atau makna terhadap hakikat.

Berhubung dengan aspek sosiologi dapat diulas bahawa Moosa menganggap kebenaran itu diterima faktor daripada persepsi pengaruh daripada masyarakat atau pengaruh masyarakat terhadapnya atau faktor interaksi yang timbul daripada perkumpulan manusia atau interaksi

⁸ Ebrahim Moosa dilahirkan pada tahun 1950 di Afrika Selatan. Beliau merupakan seorang profesor dalam bidang pemikiran Islam dan masyarakat Muslim di Universiti Notre Dame, Amerika Syarikat. Fokus utama pemikirannya dalam penulisan ini merujuk kepada aspek ketepatan makna kepada hakikat.

⁹ Ebrahim Moosa, *Ghazali and the Poetics of Imagination* (London: University of North Carolina Press, 2005), 142.

sosial sesama mereka. Sebagai contoh kebenaran yang bergantung kepada pengaruh persekitaran, hanya disebabkan persekitaran itu berwarna merah, maka kebenaran yang asalnya berwarna putih dilihat sebagai warna merah. Moosa memperincikan perkara ini dengan lebih lanjut iaitu, menurutnya “(An) important principle (is) that ideas and beliefs, even the truth, are organically constructed within social and political environment”¹⁰ menunjukkan bahawa idea dan kepercayaan sekalipun kebenaran adalah dipengaruhi oleh persekitaran sosial dan politik. Perkara ini dapat dirumuskan, walaupun pada asalnya makna atau konsepsi persekitaran berwarna merah itu tidak bertepatan dengan hakikat, namun ia juga diterima sebagai ilmu menurut Moosa. Dengan kata lain, dalam pandangan Muslim liberal makna yang tidak bertepatan dengan hakikat kerana faktor sosiologi iaitu persekitaran sama ada persekitaran politik atau sosial adalah diterima sebagai ilmu.

Selain itu juga, dari sudut psikologi iaitu perasaan, jiwa, mental dan emosi seseorang individu seperti perasaan sedih, gembira, cinta, kecewa, semangat, marah dan benci mempengaruhi persepsi terhadap kebenaran. Sebagai contoh, Asyraf merupakan seorang anak angkat di dalam sesebuah keluarga, namun dirahsiakan oleh keluarga angkatnya sejak kecil kerana mereka menyayangi Asyraf seperti anak kandung mereka. Namun, apabila Asyraf telah meningkat remaja, maka ibu bapa angkatnya mengkhabarkan kepada Asyraf bahawa dia merupakan anak angkat dalam keluarga tersebut. Ibu bapa angkatnya telah menunjukkan segala bukti bahawa Asyraf telah diambil daripada keluarga kandungannya sejak kecil lagi.

Malangnya, Asyraf tidak mempercayai perkhabaran tersebut dan tidak dapat menerima kebenaran hakikat tersebut kerana faktor psikologi seperti sedih dan kecewa yang ada dalam dirinya menyebabkan Asyraf tidak mahu menerima hakikat kebenaran itu. Maka, dapat diulas bahawa, faktor psikologi turut mempengaruhi persepsi atau makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena terhadap hakikat dan juga diterima sebagai ilmu menurut Moosa. Dengan kata lain, dalam pandangan Muslim liberal, persepsi atau makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena tidak bertepatan dengan hakikat kerana faktor psikologi juga diterima sebagai ilmu.

¹⁰ *Ibid.*, 143.

Selain itu, Soroush mempunyai perspektif yang tersendiri iaitu beliau berpendapat persepsi terhadap hakikat adalah bergantung kepada konteks iaitu:

... Alongside absolute truth, we also have to think about (qualified) indexical truth or (truth for) . (...) Truth means correspondence to reality, at any rate - in both cases (absolute truth and qualified or indexical truth). But truth in religion entails its pointing out the right path. When we say, (true religion for Harry), we mean (the religion that shows the right path to Harry)...¹¹ ... truth and falsehood in religion are qualified (or indexical)...¹²

Berdasarkan kenyataan di atas, perlu difahami bahawa Soroush mengakui bahawa kebenaran perlu bertepatan dengan hakikat, namun dipecahkan kepada dua kategori. Kategori pertama ialah kebenaran mutlak dan kedua ialah kebenaran yang bergantung kepada konteks tertentu. Menurut Soroush, perkara yang termasuk dalam kebenaran mutlak adalah seperti bumi berbentuk sfera, logam berkembang apabila panas dan teori atom. Secara tamsilan, semua manusia mengakui bahawa logam berkembang apabila panas, contohnya penutup botol (logam) yang ketat boleh dibuka dengan mudah dengan memanaskan penutup botol tersebut. Apabila penutup botol dipanaskan, ia akan mengembang dan bertambah saiznya. Ini membolehkan penutup botol tersebut dibuka dengan mudah. Kesemua contoh di atas seperti bumi berbentuk sfera, logam berkembang apabila panas dan teori atom merupakan kebenaran mutlak menurut Soroush dan kebenaran mutlak tersebut diakui oleh semua manusia pada umumnya.

Kedua ialah kebenaran yang bergantung kepada konteks tertentu contohnya (saya berumur 20 tahun) adalah pernyataan yang benar jika diperkatakan oleh orang berusia 20 tahun dan kenyataan ini adalah palsu sekiranya diperkatakan oleh orang yang

¹¹ Abdul Karim Soroush, "Truth, Reason, Salvation," laman sesawang *drsoroush.com*, diakses pada 13 Januari 2023, https://www.drsoorush.com/PDF/E-INT-20001000-Truth_Reason_Salvation-Interview_with_Soroush.pdf

¹² *Ibid.*

berusia 40 tahun. Bagitu juga kenyataan (hari ini cuaca sejuk) adalah benar jika dikatakan pada cuaca yang sejuk dan kenyataan ini menjadi palsu apabila disebut pada hari yang bercuaca panas. Kenyataan seperti (saya berada di Kuala Lumpur) adalah benar jika orang tersebut berada di Kuala Lumpur dan kenyataan ini menjadi palsu apabila orang tersebut berada di Alor Setar. Kebenaran dalam pernyataan seperti ini yang dikenali sebagai proposisi berindeks bergantung pada kontekstual iaitu (untuk saya) atau (untuk dia).

Begitu juga, seseorang tidak boleh mengatakan bahawa agama Islam adalah agama yang benar, sedangkan agama lain adalah salah kerana kenyataan ini adalah berdasarkan kepada kebenaran yang bergantung kepada kontekstual. Contohnya yang dikatakan bahawa “*the religion that shows the right path to Harry*”, iaitu agama yang benar hanya merujuk kepada Harry sahaja dalam konteks tertentu. Manakala, agama yang benar juga merujuk kepada Joe sahaja dalam konteks tertentu. Secara mendalam, dapat diulas bahawa agama yang benar di sisi Harry ialah agama Kristian dan agama yang benar di sisi Joe adalah agama Yahudi. Maka, agama Kristian dan Yahudi adalah benar secara kontekstual menurut Harry dan Joe. Dengan kata lain, kebenaran agama dari sisi Harry dan Joe adalah benar dalam konteks agama masing-masing.

Ini menunjukkan bahawa model kebenaran telah berubah di mana kita membincangkan mengenai proposisi berindeks yang dinyatakan sebagai (kebenaran untuk) yang berdasarkan konteks bukan kebenaran mutlak. Berdasarkan kepada huraian ini, dapat dilihat bahawa ketepatan makna kepada hakikat menurut Soroush hanya berlaku pada kebenaran mutlak atau objektif sebagaimana ianya iaitu bumi berbentuk sfera, logam berkembang apabila panas dan teori atom. Manakala, dalam kategori kebenaran berdasarkan konteks adalah bersifat relatif iaitu manusia yang menentukan ketepatan makna sesuatu berdasarkan proposisi berindeks seperti agama Kristian dan Yahudi adalah benar secara kontekstual menurut Harry dan Joe. Rumusnya, Muslim liberal tidak mengakui ketepatan makna kepada hakikat berdasarkan kepada faktor keterbatasan manusia, sosiologi dan psikologi serta konteks. Rumusan keseluruhannya, Muslim liberal tidak mensabitkan ketepatan kepada hakikat sebagaimana ianya.

Hakikat Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah

Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mewakili al-Baghdadi mengakui hakikat sesuatu sebagaimana ianya.¹³ Hakikat boleh disandarkan kepada sesuatu itu sendiri pada dirinya. Maka hakikat sesuatu itu ialah dirinya sendiri. Dengan kata lain, dirinya atau zatnya atau *jawharnya* ialah hakikat sesuatu. Dalam konteks ini, hakikat yang hendak dibincangkan di sini adalah dari sudut *mutabaqah* atau *muwafaqah* atau *`ala ma huwa bih* bagi makna. Hakikat sesuatu perlu *tabi' li al-haqaiq* atau *waqi' li al-haqaiq*. Ketepatan dengan hakikat tidak semestinya menyeluruh tetapi perlunya kepada makna atau gambaran atau tasawur yang tepat. Rumusannya, dari sudut hakikat menunjukkan bahawa al-Baghdadi mengiktiraf mengenai kewujudan hakikat.

Ketepatan Makna kepada Hakikat Menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah

Perbincangan mengenai ketepatan dalam definisi ilmu merujuk kepada sesuatu perkara perlu bertepatan dengan hakikat itu sendiri. Dalam bukunya *I'yar al-Nazar fi `Ilm al-Jadal*, al-Baghdadi yang mewakili Ahli Sunnah Wal Jamaah menyebut secara langsung perkataan bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya (*`ala ma huwa bih*) iaitu:

خَبْرٌ يُعَلِّمُ أَنَّ مُحَبَّرَةً عَلَى مَا هُوَ بِهِ¹⁴

Terjemahan: Khabar yang memaklumkan bahawa perkara yang dikhabarkan sebagaimana ianya.

Kutipan secara langsung ini menunjukkan bahawa al-Baghdadi menekankan aspek ketepatan walaupun perbincangan ketepatan dalam aspek perkhbaran. Selain itu, al-Baghdadi juga dilihat tidak menolak elemen ketepatan sebagaimana ianya dalam definisi ilmu apabila beliau menghuraikan definisi yang dikemukakan oleh al-Ka'bi iaitu:

¹³ Al-Baghdadi, Abu Mansur Abd al-Qahir bin Tahir, *Usul al-Din* (Beirut: Dar al-Kitab al-`Alamiyyah, 2002), 16-17.

¹⁴ Al-Baghdadi, Abu Mansur Abd al-Qahir bin Tahir, *I'yar al-Nazar fi `Ilm al-Jadal* (Kuwait: t.p., t.th.), 272.

أَنَّهٗ اِعْتِقَادُ الشَّيْءِ عَلَى مَا هُوَ بِهِ¹⁵

Terjemahan: Sesungguhnya (ilmu) adalah iktikad mengenai sesuatu sebagaimana ianya.

Selain itu, al-Jubba'i pula mengatakan:

أَنَّهٗ اِعْتِقَادُ الشَّيْءِ عَلَى مَا هُوَ بِهِ عَن ضَرُورَةٍ أَوْ دِلَالَةٍ¹⁶

Tejemahan: Sesungguhnya (ilmu) adalah iktikad sesuatu sebagaimana ianya secara *daruri* atau *dilalah*.

Seterusnya, menurut Abu Hasyim pula ilmu ialah:

أَنَّهٗ اِعْتِقَادُ الشَّيْءِ عَلَى مَا هُوَ بِهِ مَعَ سُكُونِ النَّفْسِ إِلَيْهِ¹⁷

Terjemahan: Sesungguhnya (ilmu) adalah iktikad sesuatu sebagaimana ianya bersama tenang jiwa kepadanya.

Definisi yang dibawakan oleh Abu Hasyim ini ialah ilmu merupakan iktikad sesuatu sebagaimana ianya bersama tenang jiwa. Ini menunjukkan bahawa sesuatu gambaran akan berubah menjadi ilmu apabila terdapat elemen *sukun al-nafs* iaitu jiwanya merasa tenang dengan ilmu tersebut.

Ketiga-tiga definisi ini ditolak oleh al-Baghdadi berdasarkan dua istilah yang digunakan dalam definisi mereka iaitu *i'tiqad* dan *al-shay'*, namun al-Baghdadi dilihat tidak menolak perkataan *ala ma huwa bih*. Istilah *i'tiqad* ditolak oleh al-Baghdadi kerana terdapatnya persamaan antara konsep *al-'ilm* 'pengetahuan' dan *i'tiqad* 'kepercayaan'. Al-Baghdadi berhujah sekiranya kepercayaan digunakan untuk definisi *al-'ilm* akan memberikan implikasi setiap yang berilmu itu bersifat mempercayai atau beriktikad. Ia berbeza dengan sifat Allah SWT di mana Allah SWT itu Maha Mengetahui tetapi tidak beriktikad.¹⁸ Hujah ini juga tidak ada sandaran sama ada daripada al-Quran dan sunnah bagi

¹⁵ Al-Baghdadi, *Usul al-Din*, 14.

¹⁶ *Ibid.*, 15

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Ibid.*

menunjukkan bahawa 'mu' *taqid*' adalah salah satu nama-nama Allah SWT.¹⁹ Orang yang berilmu tidak harus dikaitkan dengan kepercayaan yang diketahuinya sebagai contoh orang bukan Islam yang mengkaji tentang Islam tidak juga mempercayai Islam walaupun pengetahuannya tentang Islam tercapai²⁰.

Al-Baghdadi juga menolak istilah *al-shay* kerana ia bukanlah ilmu yang diketahui dengan capaian tasawur terhadap hakikatnya yang memang tidak wujud. Dengan erti kata lain, pengetahuan manusia mengenainya adalah dengan mengetahui bahawa ia tidak wujud. Isteri dan anak Allah SWT adalah bukan satu hakikat, ia adalah objek minda yang tidak wujud, bahkan sesuatu yang bertentangan dengan sifat Allah SWT yang bersifat. Bagi al-Baghdadi, definisi ini juga tidak ada sandaran. Penelitian terhadap pandangan al-Baghdadi ini menunjukkan bahawa beliau hendak mengenakan definisi ilmu bukan sahaja kepada makhluk, tetapi juga kepada Allah SWT sendiri dalam pada itu, boleh sahaja diandaikan bahawa jika definisi *i'tiqad* dan *al-shay* ini hendak dikenakan kepada makhluk sahaja, ia mungkin tidak akan ditolak oleh al-Baghdadi. Daripada analisis ini didapati al-Baghdadi menolak *i'tiqad* dan *al-shay* sahaja bukan *'ala ma huwa bih*. Selain itu, sekiranya kita umpamakan penerimaan al-Baghdadi mengenai ketepatan *'ala ma huwa bih* kepada hakikat, maka ungunya definisi al-Baghdadi adalah:

الْعِلْمُ هُوَ صِفَةٌ يَصِيرُ الْحَيُّ بِهَا عَالِمًا بِالْمَعْلُومِ عَلَى مَا هُوَ بِهِ

Terjemahan: Ilmu (ialah suatu sifat) yang menjadikan seseorang yang hidup berilmu dengannya. Ilmu (juga) adalah satu sifat yang sah dengannya daripada orang yang hidup, bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya.

Berdasarkan fakta di atas, definisi ilmu menurut al-Baghdadi menekankan ketepatan dengan hakikat sesuatu sebagaimana ianya.

¹⁹ Mohd Radhi Ibrahim, "The Theology of Knowledge: A Study on the Definition of Knowledge Among The Early *Mutakallimun*," *Jurnal AFKAR* 12 (2011), 12.

²⁰ Ibrahim Abu Bakar, "Epistemologi dalam Perspektif *Mutakallimun*," dalam *Islam Akidah dan Kerohanian*, ed. Zakaria Sapa dan Mohamed Asin Dollah (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001), 54.

Perkataan *`ala ma huwa bih* juga turut dibincangkan oleh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah, antaranya ialah al-Baqillani menyatakan *al-'ilm* ialah:

مَعْرِفَةٌ مَعْلُومٍ عَلَى مَا هُوَ بِهِ²¹

Terjemahan: Mengetahui sesuatu yang dimaklumi menurut apa (hakikat) yang sebenar padanya.

Definisi ini menunjukkan bahawa ilmu ialah mengetahui terhadap perkara yang diketahui sebagaimana ianya. Dengan kalimah yang lebih umum, ilmu disifatkan sebagai pengetahuan objektif tentang sesuatu. Definisi ini mengandungi maksud bahawa ilmu merupakan pengetahuan yang dimiliki orang yang mengetahui sesuatu berbetulan dengan hakikatnya. Seseorang yang mengetahui sesuatu berdasarkan keadaan benda tersebut perlu mempunyai kemampuan untuk menanggapinya secara tepat. Mengetahui objek yang diketahui '*ma'lum*' sebagaimana hakikatnya memberikan gambaran bahawa ilmu itu perlu bertepatan dengan hakikatnya.²²

Apa yang dimaksudkan dengan menepati hakikat ialah gambaran atau kesedaran mengenai sesuatu yang sampai kepada seseorang menepati hakikat sesuatu yang digambarkan itu. Lanjutan daripada itu, boleh dihuraikan seterusnya bahawa proses mengetahui melibatkan ketibaan 'kesedaran', bukan 'hakikat' ke dalam diri orang yang mengetahui. Dengan kata lain, apabila seseorang mengetahui sesuatu, kesedaran mengenai sesuatu itu masuk ke dalam dirinya, bukan hakikat itu sendiri. Menurut al-Jurjani dalam *al-Ta'rifat*, *al-'ilm* ialah:

الإِعْتِقَادُ جَازِمٌ مُطَابِقٌ لِلْوَاقِعِ²³

Terjemahan: Iktikad yang pasti (jazam) yang bertepatan dengan hal sebenar atau realiti.

²¹ Abi Bakr Muhammad bin al-Tayyib bin al-Baqillani, *al-Tamhid fi al-Radd 'ala Mulhidah al-Mu'attilah wa al-Rafidah wa al-Khawarij wa al-Mu'tazilah* (Kaherah: Matba'ah Lajnah al-Ta'lif wa al-Tarjumah wa al-Nashr, 1947, 43.

²² Al-Baqillani, *al-Tamhid*, 43.

²³ Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad al-Jurjani, *al-Ta'rifat* (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000), entri *al-'ilm*, 199.

Menurut al-Ghazali dalam kitab *Ulum al-Din* menggambarkan *al-'ilm* ialah:

أَنَّ الْمَعْرِفَةَ الْأَشْيَاءِ عَلَى مَا هِيَ عَلَيْهِ²⁴

Terjemahan: Sesungguhnya mengetahui sesuatu yang dimaklumi menurut apa (hakikat) yang sebenar padanya.

Pada definisi ini, untuk mengetahui sesuatu adalah dengan mengenali sesuatu sebagaimana ianya. Ini membawa maksud, ilmu adalah pengakuan, merupakan keadaan fikiran iaitu, suatu kondisi di mana sebuah objek tidak lagi asing bagi seseorang sejak objek itu berada dalam fikiran seseorang. Dawud bin Wan 'Abd Allah al-Fatani²⁵, yang boleh dikatakan sebagai ulama Melayu paling masyhur, menyatakan "Bermula hakikat makrifat itu iaitu *al-jazam al-muwafiq li 'l-haqq 'an dalil*, jazam yang muafakat bagi hak dengan dalil". Manakala, Zayn al-Abidin al-Fathani atau dikenali sebagai Tuan Minal turut mengemukakan takrif ilmu yang menjelaskan ilmu ialah "mendapat akan sesuatu yang berbetulan dengan hakikatnya". Ini dapat dilihat dalam petikan berikut:

Bermula makna pengetahuan itu iaitu mendapat akan sesuatu berbetulan dengan hakikatnya. Bermula qaul yang sebenar bahawasa ilmu dan makrifat itu bersamaan keduanya, melainkan bahawasanya *diitlakkan* atas Allah Taala itu 'alim', tiada harus *diitlakkan* atasNya 'arif', kerana bahawa makrifat itu menyeru ia akan mendahulukan jahil bersalahan ilmu.²⁶

Kenyataan bahawa "pengetahuan itu iaitu mendapat akan sesuatu berbetulan dengan hakikatnya" yang dibawakan oleh Tuan Minal ialah sesuatu ilmu perlu bertepatan dengan hakikat. Seseorang tidak boleh mendakwa memiliki ilmu mengenai sesuatu kecuali dia mengetahui


²⁴ Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-Din* (Mesir: Matba'ah al-Azhariyyah, 1884), 39.

²⁵ Daud bin Abdullah al-Fathani, *al-Durr al-Thamin: Permata yang Indah* (Batu Caves: al-Hidayah, 2011), 13-14.

²⁶ Zainul Abidin bin Muhammad al-Fathani, *Aqidah al-Najin* (Batu Caves: al-Hidayah, 2011), 13-14.

sesuatu itu sebagaimana ianya. Sebagai contoh, sesungguhnya, sesuatu itu kadang-kadang tidak nampak sebagaimana hakikatnya. Misalnya, bumi yang dicerap oleh mata kelihatan mendatar, bintang kelihatan kecil dan matahari seolah-olah mengelilingi bumi dan sebagainya. Apabila sesuatu itu tidak bertepatan dengan hakikat, maka ia akan dikategorikan sebagai dugaan, khayalan, ilusi, halusinasi, mitos dan sebagainya. Maknanya, jika sesuatu pegangan itu didakwa sebagai ilmu tetapi tidak bertepatan dengan hakikat, maka pegangan itu bukan ilmu sebenarnya. Ia semata-mata satu dakwaan yang tidak berdasar²⁷. Secara teknikalnya, huraian ketepatan secara simplistik boleh diwakili oleh gambar rajah di bawah:

Rajah 1: Ketepatan Makna kepada Hakikat Sebagaimana Ia



Sumber: Diubahsuai daripada Wan Adli Wan Ramli, 2014

Gambar rajah di atas menunjukkan terdapat tiga elemen iaitu hakikat, gambaran dan diri seseorang. Hakikat itu ialah dirinya sendiri, dengan kata lain, dirinya atau zatnya atau jawharnya ialah hakikat sesuatu itu. Melalui hakikat tersebut akan keluar gambaran yang dikonsepsi atau ditasawur ke dalam diri seseorang. Ini menunjukkan gambaran sesuatu perlu bertepatan dengan hakikat iaitu gambaran pokok adalah sama seperti pokok yang sebenar. Ketepatan dengan hakikat adalah elemen yang mesti ada dalam membina gambaran ilmiah seseorang mengenai sesuatu.

²⁷ Wan Adli Wan Ramli & Mohamad Kamil Ab Majid, "Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal," *Jurnal Usuluddin* 33 (2011), 129.

Tanpa ketepatan dalam hakikat, sesuatu pengetahuan itu menjadi andaian persepsi sahaja. Apa yang dimaksudkan dengan menepati hakikat ialah gambaran mengenai sesuatu yang sampai kepada seseorang menepati hakikat sesuatu yang digambarkan itu. Hal ini disebabkan boleh sahaja berlaku keadaan gambaran tadi tidak menepati perihal sebenar objek yang digambarkan itu. Contohnya, gambaran mengenai Allah SWT dalam kalangan sebahagian kecil Muslim yang mengandaikan Allah SWT mempunyai wajah dan tangan seperti manusia. Walaupun ia mungkin dipercayai secara penuh keyakinan, apabila ia tidak menepati hakikat sifat Allah SWT yang tidak menyerupai sesuatu apa pun, maka ia bukan suatu ilmu yang benar mengenai Allah SWT.²⁸

Di sini, perlu juga difahami bahawa apa yang dimaksudkan dengan 'gambaran' adalah tasawur konseptual mengenai sesuatu, bukan gambaran fizikal. Lanjutan daripada itu, boleh dihuraikan seterusnya bahawa proses mengetahui melibat ketibaan 'gambaran', bukan 'hakikat' ke dalam diri orang yang mengetahui. Dengan kata lain, apabila seseorang mengetahui sesuatu, gambaran mengenai sesuatu itu yang masuk ke dalam hatinya, bukan benda itu sendiri. Huraian di atas juga memberikan pengajaran bahawa 'hakikat' dan 'gambaran' adalah dua perkara yang berbeza. Hakikat adalah perkara yang wujud pada dirinya di luar daripada gambaran akal dan hati manusia serta bebas dan tidak terikat kepada pengetahuan manusia mengenainya. Manakala, gambaran ilmiah manusia mengenai hakikat tadi, dalam konteks ini sudah tentu bergantung kepada kerja akal dan hati manusia dalam mengetahuinya. Dengan itu, dapat difahami keperluan memastikan gambaran tersebut bertepatan perihalnya dengan hakikat yang merupakan perkara hakiki yang ingin diketahui. Sebaliknya, gambaran tersebut boleh jadi tidak bertepatan dengan hakikat perkara yang ingin diketahui.²⁹

Ketepatan dengan hakikat adalah elemen yang mesti ada dalam membina gambaran ilmiah seseorang mengenai sesuatu. Ilmu ialah mengetahui terhadap perkara yang diketahui sebagaimana ianya. Dengan kalimah yang lebih umum, ilmu disifatkan sebagai pengetahuan objektif tentang sesuatu. Definisi ini mengandungi maksud


²⁸ Wan Adli Wan Ramli, "Islam Liberal dan Pluralisme Agama: Pertentangan dengan Akidah dan Syariat Islam" (Wacana Intelektual Akidah Menurut Pendekatan Wasatiyyah, Politeknik Nilai, Negeri Sembilan, 28 Ogos 2017), 1-82.

²⁹ *Ibid.*, 17-18.

bahawa ilmu merupakan pengetahuan yang dimiliki orang yang mengetahui sesuatu berbetulan dengan hakikatnya. Seseorang yang mengetahui sesuatu berdasarkan keadaan benda tersebut perlu mempunyai kemampuan untuk menanggapi secara tepat. Mengetahui objek yang diketahui ‘*ma‘lum*’ sebagaimana hakikatnya memberikan gambaran bahawa ilmu itu perlu bertepatan dengan hakikatnya.

Tambahan kepada semua perbincangan ini, perlu dijelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan ketepatan itu tidak membawa maksud tasawur atau makna yang menyeluruh, atau gambaran yang menyeluruh kepada hakikat, ia ialah gambaran yang tepat walaupun tidak menyeluruh. Dengan kata lain, dalam pandangan epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti yang dapat difahami daripada istilah *mutabaqah*, *muwafaqah* atau *ala ma huwa bih*, penekanannya adalah kepada ketepatan makna kepada hakikat walaupun makna tadi bukanlah gambaran yang menyeluruh mengenai hakikat itu. Ini dapat dilihat secara jelas iaitu:

Rajah 2: Ketepatan Makna kepada Hakikat Sebagaimana Ia (Gambaran Sebahagian daripada Hakikat)



Gambar rajah di atas menunjukkan terdapat tiga elemen iaitu hakikat, gambaran dan diri seseorang. Hakikat itu adalah dirinya sendiri, dengan kata lain, dirinya atau zatnya atau jawharnya ialah hakikat sesuatu itu. Elemen kedua ialah makna iaitu daun dan elemen ketiga ialah orang yang mengetahui. Perbincangan di sini adalah tertumpu kepada elemen ketepatan makna dengan hakikat. Dapat dihuraikan bahawa hakikat pokok terdiri daripada akar, dahan, batang,

ranting dan daun. Maka, gambaran atau makna daun yang merupakan sebahagian daripada pokok bukanlah gambaran yang menyeluruh mengenai hakikat pokok tersebut, namun sekiranya ia bertepatan dengan hakikat pokok tersebut, ia juga disabitkan sebagai ketepatan makna kepada hakikat sebagaimana ianya. Rumusannya, dari sudut ketepatan makna kepada hakikat, al-Baghdadi mengakui ketepatan makna kepada hakikat sebagaimana ianya. Rumusan keseluruhannya menunjukkan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mewakili al-Baghdadi mengiktiraf ketepatan sebagaimana ianya.

Analisis Perbandingan Konsep Ketepatan Menurut Epistemologi Muslim Liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah

Telah dibentangkan rumusan bagi subtajuk elemen ketepatan makna kepada hakikat dalam definisi ilmu menurut epistemologi Muslim liberal ialah mereka tidak mensabitkan ketepatan makna kepada hakikat sebagaimana ianya. Manakala, pemikiran epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mewakili al-Baghdadi dalam kitab *Usul al-Din* secara umumnya mensabitkan ketepatan makna kepada hakikat.

Analisis Perbandingan Konsep Ketepatan dalam Aspek Hakikat Menurut Epistemologi Muslim Liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah

Berdasarkan pandangan Muslim liberal menunjukkan bahawa mereka mengakui hakikat pada dirinya seperti pendapat yang dikemukakan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah. Perbincangan mengenai hakikat dikemukakan oleh Abou El Fadl dalam kenyataannya iaitu *I accept it as an 'is' and I believe 'it is' because 'it is'*. Perkataan 'is' dalam *I believe 'it is'* ini merujuk kepada hakikat. Rumusannya, Muslim liberal didapati mengiktiraf hakikat pada dirinya sepertimana pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.


Analisis Perbandingan Konsep Ketepatan dalam Aspek Elemen Ketepatan Makna kepada Hakikat Menurut Epistemologi Muslim Liberal dan Ahli Sunnah Wal Jamaah

Bahagian ini menganalisis elemen ketepatan makna kepada hakikat dalam definisi ilmu menurut epistemologi Muslim liberal dan perbandingan dilakukan berdasarkan pemikiran epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah. Berdasarkan analisis yang dilakukan, sepertimana yang telah dirumuskan Muslim liberal menganggap bahawa elemen

ketepatan makna atau tasawur kepada hakikat tidak dapat dicapai sebagaimana ianya, manakala al-Baghdadi yang diwakili oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah mendakwa bahawa manusia yang mengetahui dapat mencapai makna yang bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya.

Abou El Fadl berhujah bahawa makna yang sampai ke dalam diri seseorang tidak akan bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya disebabkan keterbatasan manusia yang memiliki sifat tidak sempurna dan tidak maksum. Dengan kata lain, keterbatasan manusia yang memiliki sifat tidak sempurna dan tidak maksum menghalang manusia daripada mencapai hakikat sebagaimana ianya. Perbincangan ini mempunyai perkaitan rapat dengan *fallibility human* yang sering dibincangkan oleh golongan posca modernisme yang menyatakan bahawa manusia tidak dapat menanggapi ketepatan kerana keterbatasan manusia yang memiliki sifat tidak sempurna dan tidak maksum. Menurutnya lagi, hakikat sebagaimana ianya hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja. Pendapat Abou El Fadl dapat diterangkan dalam rajah berikut:

Rajah 3: Gambaran Abou El Fadl Berhubung Aspek Ketepatan Makna kepada Hakikat



Gambar rajah di atas menunjukkan bahawa terdapat tiga perkara iaitu orang yang mengetahui, makna dan hakikat. Gambar rajah ini menunjukkan bahawa manusia yang mengetahui tidak dapat mensabitkan makna yang tepat sebagaimana ianya kerana keterbatasan

manusia yang memiliki sifat tidak sempurna dan tidak maksum. Maka, gambaran makna secara tepat yang keluar daripada hakikat tidak dapat dicapai oleh manusia.

Setelah diteliti hujah yang dikemukakan oleh Abou El Fadl, mungkin boleh dipersoalkan kembali, sekiranya hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui hakikat secara tepat sebagaimana ianya dan manusia tidak mempunyai kemampuan untuk mencapai makna yang bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya, adakah pandangannya tersebut adalah sesuatu ketepatan kepada hakikat sebagaimana ianya? Dengan kata lain, jika demikian asas epistemologi Muslim liberal, maka kenyataan mereka mengenai keterbatasan dan ketidakmampuan manusia menanggapi makna yang bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya boleh dipersoalkan, adakah kenyataan yang dikemukakan tersebut merupakan suatu makna yang sampai kepada mereka bertepatan dengan hakikat ilmu itu sendiri? Sekiranya kenyataan tersebut diakui bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya, maka mereka sendiri telah mengakui bahawa walaupun manusia mempunyai keterbatasan dalam dirinya, namun manusia masih dapat menanggapi makna yang bertepatan dengan hakikat itu sendiri. Maka, kenyataan yang mereka kemukakan dipatahkan oleh hujah mereka sendiri. Walau bagaimana pun, tetap diakui bahawa ada sahaja sebahagian manusia yang tidak memiliki kemampuan tersebut, namun ini tidak menafikan soal kemampuan sepenuhnya seperti yang didakwakan oleh Muslim liberal. Oleh yang demikian, maka dapat disahkan bahawa manusia mampu mencapai makna yang bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya sebagaimana pegangan oleh al-Baghdadi yang mewakili ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Selain itu, Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah di muka bumi ini kerana kemampuan manusia dalam menanggapi sesuatu sebagaimana ianya. Ini menuntut supaya manusia berfikir bahawa Allah SWT telah menyediakan kemampuan dalam diri setiap manusia untuk kelangsungan hidup. Selain itu juga berdasarkan firman Allah SWT:

فَاعْلَم أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Muhammad 47: 19

Terjemahan: Maka ketahuilah, bahawa tidak ada Tuhan (yang patut disembah) melainkan Allah


Berdasarkan kepada ayat al-Quran di atas, didakwakan bahawa *fa'lam annahu la ilaha illallah* itu dapat difahami bahawa manusia dapat menanggapi ilmu dan mengenal Allah SWT. Sekiranya manusia tidak dikurniakan kemampuan tersebut, maka Allah SWT tidak akan menyuruh manusia untuk mengenaliNya. Ketidakmampuan manusia dalam menanggapi hakikat sebagaimana ianya yang dirumuskan oleh Abou El Fadl telah menghadkan capaian ilmu manusia kepada perkara yang bersifat *daruri* seperti kewujudan Tuhan. Oleh yang demikian, berkait soal kemampuan manusia dalam menanggapi hakikat sesuatu, Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak mengatakan bahawa kesemua ilmu mampu dicapai secara tepat, namun perkara yang dapat dicapai secara tepat dengan hakikat sebagaimana ianya dalam konteks akidah ialah Islam sudah tentu terkandung pelbagai ajaran atau pelbagai perkara yang boleh disebut sebagai makna Islam sebagai hakikat Islam. Salah satunya ialah kepercayaan bahawa Tuhan itu satu atau Tuhan itu ada. Hakikat dan makna Tuhan itu satu atau Tuhan itu ada yang sampai dalam hati orang Islam menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan langsung dalam kewujudan metafizik dan fizikal alam dunia kerana makna yang sampai ke dalam hati orang Islam mengenai kewujudan Tuhan itu satu atau Tuhan itu ada adalah bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya.

Selain itu juga, dalam aspek syariah terdapat ayat al-Quran yang mengandungi nas *qat'i al-dilalah* di mana ia hanya mempunyai satu makna. Nas *qat'i al-dilalah* ini bukan merupakan tempat ijtihad para mujtahid (ulama yang mampu melakukan ijtihad). Ini dapat dilihat pada ayat tentang kewajiban solat, zakat, ayat yang menetapkan bahagian ahli waris, ayat haram zina, *qazf* (menuduh seseorang berzina), memakan harta orang lain secara batil, membunuh tanpa ada hak dan lain-lain masalah yang diketahui secara umum oleh umat Islam. Hukum-hakam yang sabit dengan nas *qat'i al-dilalah* ini dikategorikan dalam masalah agama yang diketahui secara *daruri*. Nas yang bersifat *qat'i al-dilalah* ini merupakan hakikat yang dapat ditanggapi oleh manusia secara tepat sebagaimana ianya. Manakala, dalam perkara *zanni* manusia tidak dapat mencapai ilmu secara tepat dan hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui ilmu berkaitan perkara *zanni* secara tepat. Contohnya berkenaan cara untuk melakukan ibadah seperti isu berkenaan suami isteri bersentuhan membawa implikasi hukum yang menyebabkan batalnya wuduk menurut mazhab Syafi'i, namun perkara

ini berbeza hukumnya dalam mazhab Hanafi iaitu suami isteri bersentuhan tidak menyebabkan batalnya wuduk. Isu ini tidak memiliki hakikat, namun dari sudut amalannya adalah dengan mengikuti mazhab yang dianuti. Perbezaan tafsiran mengenai implikasi hukum yang menyebabkan batalnya wuduk apabila suami isteri bersentuhan menurut mazhab Syafi'i dan tidak terbatalnya wuduk apabila suami isteri bersentuhan dalam mazhab Hanafi masih lagi dalam batasan makna yang ditunjukkan oleh sesuatu kalimah atau nas. Walau bagaimanapun, sekiranya pentafsiran kalimah atau nas yang dikemukakan adalah menjangkau makna yang wujud, maka pada titik tersebut, timbul perbahasan mengenai makna yang bersifat relatif.

Selain itu, dapat diulas bahawa Moosa menyatakan bahawa faktor sosiologi dan psikologi mempengaruhi persepsi atau makna atau kesedaran terhadap hakikat. Pemikiran Moosa berhubung dengan faktor sosiologi yang mempengaruhi persepsi terhadap kebenaran secara jelas dapat dilihat dalam gambar rajah di bawah:

Rajah 4: Gambaran Pemikiran Moosa dalam Aspek Ketepatan Makna kepada Hakikat Berdasarkan Faktor Sosiologi



Gambar rajah di atas menunjukkan bahawa terdapat tiga perkara iaitu orang-orang yang mengetahui iaitu orang-orang yang mengetahui atau masyarakat, makna dan hakikat. Gambar rajah ini menunjukkan bahawa makna yang sampai kepada orang yang mengetahui dipengaruhi oleh masyarakat sekelilingnya sebagai penentu makna kepada hakikat. Makna yang diwakili oleh kuda diletakkan oleh

masyarakat sehingga mempengaruhi orang yang mengetahui dan menghalang capaian ketepatan makna kepada hakikat. Ini dapat dilihat sebagai contoh persepsi atau makna atau tasawur atau konsepsi atau kesedaran atau gambaran atau fenomena warna merah yang diberikan oleh masyarakat sehingga mempengaruhi orang yang mengetahui, maka gambaran persekitaran yang pada asalnya adalah berwarna putih ditukarkan kepada persekitaran berwarna merah walaupun pada hakikatnya persekitaran tersebut adalah berwarna putih.

Dapat dipersoalkan kembali, adakah pengiktirafan kepada faktor sosiologi akan sentiasa memustahilkan kesampaian makna yang sebenar? Walaupun tidak dinafikan bahawa kemungkinan faktor sosiologi iaitu persekitaran mempengaruhi ilmu, tetapi ia tidak menjadi faktor untuk kita menolak ketepatan sebagaimana ianya. Berkenaan dengan persoalan ini, al-Taftazani menyatakan bahawa pertikaian atau keraguan yang ada pada sebahagian manusia tidak menafikan kebenaran yang ada pada sebahagian yang lain³⁰. Contohnya, orang yang mengalami buta warna dan tidak dapat menanggapi hakikat warna merah, namun ini tidak dapat menafikan sebahagian orang yang dapat melihat warna merah dengan sempurna. Ini diumpamakan bahawa individu tertentu yang mempunyai keraguan untuk menanggapi hakikat ketepatan sebagaimana ianya kerana faktor sosiologi atau persekitaran tidak menafikan keyakinan yang ada pada orang lain dalam menanggapi hakikat sebagaimana ianya.


Contoh yang lebih mendalam adalah berkenaan dengan kisah bapa saudara Nabi Muhammad SAW iaitu Abu Talib bin Abdul Mutallib. Abu Talib merupakan pembesar yang disegani oleh masyarakat Musyrikin, namun sering kali mempertahankan Nabi Muhammad SAW ketika baginda berdepan dengan pelbagai ancaman daripada pihak musuh. Namun, Abu Talib tidak memeluk Islam kerana bimbang beliau akan dicela dan dikutuk oleh kaum Musyrikin sehinggalah tiba saat kematiannya. Ini menunjukkan bahawa walaupun kebenaran Islam telah sampai kepadanya, namun disebabkan oleh faktor sosiologi iaitu beliau ingin menjaga kedudukannya dalam masyarakat pada ketika itu, beliau tidak mengiktiraf kebenaran Islam dengan memeluk agama Islam walaupun makna yang sebenar telah sampai kepadanya. Ini menunjukkan bahawa walaupun Abu Talib tidak memeluk Islam disebabkan oleh faktor sosiologi iaitu persekitaran, namun perkara ini

³⁰ Sa'd al-Din Mas'ud ibn 'Umar, al-Taftazani, *Sharh al-'Aqid al-Nasafiyah* (al-Bushra Publisher: Parkistan, 2009), 37-38.

tidak menafikan keyakinan yang ada pada orang lain untuk memeluk Islam dan menerima hakikat Islam sebagaimana ianya.

Selain itu juga, Moosa juga menyatakan bahawa faktor psikologi turut mempengaruhi perspesi terhadap kebenaran. Ini dapat dilihat melalui gambar rajah berikut:

Rajah 5: Gambaran Pemikiran Moosa dalam Aspek Ketepatan Makna kepada Hakikat Berdasarkan Faktor Psikologi



Gambar rajah di atas menunjukkan bahawa terdapat tiga perkara iaitu orang yang mengetahui, makna dan hakikat. Gambar rajah ini menunjukkan bahawa faktor psikologi seperti sedih, gembira, cinta, kecewa, semangat, marah dan benci mempengaruhi orang yang mengetahui dalam menanggapi hakikat sebagaimana ianya. Penekanan Moosa kepada faktor psikologi menjadikan Muslim liberal mengubahsuaikan ketepatan atau tidak mensabitkan ketepatan kepada hakikat sebagaimana ianya. Makna yang diwakili oleh zirafah diletakkan berdasarkan emosi yang ada dalam diri orang yang mengetahui tersebut sehingga menyebabkan seseorang tidak dapat menanggapi makna hakikat yang sebenar sebagaimana ianya. Walau bagaimanapun, menurut Moosa, gambar zirafah tersebut merupakan makna yang dapat diterima sebagai ilmu.

Dapat dipersoalkan kembali, adakah pengiktirafan kepada faktor psikologi akan sentiasa memustahilkan kesampaian makna yang sebenar? Walaupun tidak dinafikan bahawa kemungkinan faktor

psikologi mempengaruhi ilmu, tetapi ia tidak menjadi faktor untuk kita menolak ketepatan sebagaimana ianya. Berkenaan dengan persoalan ini, dapat dipertegaskan kembali bahawa al-Taftazani menyatakan bahawa pertikaian atau keraguan yang ada pada sebahagian manusia tidak menafikan kebenaran yang ada pada sebahagian yang lain³¹. Contohnya, orang yang mengalami buta warna dan tidak dapat menanggapi hakikat warna merah, namun ini tidak dapat menafikan sebahagian orang yang dapat melihat warna merah dengan sempurna. Ini diumpamakan bahawa individu tertentu yang mempunyai keraguan untuk menanggapi hakikat ketepatan sebagaimana ianya kerana faktor psikologi tidak menafikan keyakinan yang ada pada orang lain dalam menanggapi hakikat sebagaimana ianya.

Contoh yang lebih mendalam adalah berkenaan dengan peristiwa kewafatan Nabi Muhammad SAW. Berita mengenai kewafatan Nabi Muhammad SAW tidak diterima oleh Saidina Umar al-Khattab. Saidina Umar al-Khattab amat sedih dengan kewafatan Nabi Muhammad SAW sehinggakan beliau sanggup membunuh sesiapa sahaja yang mengatakan bahawa Rasulullah SAW telah wafat. Peristiwa ini menunjukkan bahawa faktor psikologi iaitu faktor dalaman manusia memungkinkan seseorang untuk tidak menerima kebenaran yang sampai kepadanya sebagaimana ianya. Namun, beliau kembali tenang selepas Saidina Abu Bakar berucap “Sesiapa yang menyembah Muhammad ketahuilah bahawa baginda telah wafat, tetapi sesiapa yang menyembah Allah SWT, ketahuilah bahawa Allah SWT itu hidup dan tidak akan mati”. Ini menunjukkan bahawa walaupun pada awalnya Saidina Umar al-Khattab tidak dapat menerima berita kewafatan Nabi Muhammad SAW disebabkan oleh faktor psikologi, namun perkara ini tidak menafikan keyakinan yang ada pada orang lain seperti Saidina Abu Bakar untuk menerima berita mengenai kewafatan baginda berdasarkan hakikat sebagaimana ianya.


Berdasarkan pandangan ini, penekanan Moosa kepada agen manusia yang melibatkan faktor psikologi dan sosiologi memaksa atau menjadikan golongan Muslim liberal mengubahsuaikan ketepatan atau tidak mensabitkan ketepatan sebagaimana ianya. Perkara ini bertentangan dengan pemikiran epistemologi al-Baghdadi yang mengiktiraf kemampuan manusia untuk menanggapi hakikat sebagaimana ianya. Kesedaran ini menjadi asas utama dalam

³¹ Sa'd al-Din Mas'ud ibn 'Umar, al-Taftazani, *Sharh al-'Aqid al-Nasafiyah* (al-Bushra Publisher: Parkistan, 2009), 37-38.

menangani golongan Muslim liberal yang terpengaruh dengan pemikiran pasca moden yang mengandaikan bahawa manusia tidak dapat mencapai ketepatan makna kepada hakikat. Dengan kata lain, Moosa tidak mensabitkan ketepatan makna kepada hakikat sebagaimana ianya sepertimana yang difahami oleh ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Selain itu, Soroush pula berpendapat persepsi terhadap hakikat adalah bergantung kepada konteks. Pemikiran Soroush mengenai kebenaran mutlak boleh digambarkan seperti rajah berikut:


Rajah 6: Gambaran Pemikiran Epistemologi Soroush Mengenai Kebenaran Mutlak



Gambar rajah di atas menunjukkan bahawa terdapat tiga perkara iaitu orang yang mengetahui, makna dan hakikat. Gambar rajah ini menunjukkan bahawa makna adalah bertepatan dengan hakikat sebagaimana ianya. Namun, Soroush membincangkan ketepatan ini melalui contoh iaitu bumi berbentuk sfera, logam berkembang apabila panas dan teori atom. Dalam kategori pertama ini, pendapatnya adalah sama dengan pegangan ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah iaitu kita mengakui secara umumnya bahawa bumi berbentuk sfera, logam berkembang apabila panas dan teori atom.

Selain itu, Soroush menerangkan mengenai kebenaran yang bergantung kepada konteks tertentu seperti berikut:

Rajah 7: Gambaran Pemikiran Epistemologi Soroush Mengenai Kebenaran Yang Bergantung Kepada Konteks Tertentu



Gambar rajah di atas menunjukkan bahawa terdapat tiga perkara iaitu orang yang mengetahui (A) dan (B), makna dan hakikat. Gambar rajah ini menunjukkan orang yang mengetahui (A) dan (B) mempunyai persepsi makna yang berbeza dengan hakikat. Orang yang mengetahui (A) menanggapi makna kuda walaupun hakikatnya adalah pokok. Begitu juga orang yang mengetahui (B) menanggapi makna kereta walaupun hakikatnya adalah pokok.

Berdasarkan kepada rajah ini menunjukkan bahawa dari sudut penjelasan Soroush mengenai kebenaran yang bergantung kepada konteks tertentu melalui contoh seperti *“the religion that shows the right path to Harry”*, iaitu agama yang benar hanya merujuk kepada Harry sahaja dalam konteks tertentu. Manakala, agama yang benar juga merujuk kepada Joe sahaja dalam konteks tertentu. Secara mendalam, dapat diulas bahawa agama yang benar di sisi Harry adalah agama Kristian dan agama yang benar di sisi Joe adalah agama Yahudi. Maka, agama Kristian dan Yahudi adalah benar secara kontekstual menurut Harry dan Joe. Dengan kata lain, kebenaran agama dari sisi Harry dan Joe adalah benar dalam konteks masing-masing adalah kebenaran

agama adalah bersifat relatif. Begitu juga apabila seseorang mengatakan bahawa hanya agama Islam adalah agama yang benar, sedangkan agama lain adalah salah merupakan kenyataan yang tidak benar berdasarkan kepada kebenaran yang bergantung kepada konteks tertentu.

Dapat dipertegaskan kembali bahawa sekiranya Soroush mengandaikan bahawa semua kebenaran agama adalah benar, maka ini adalah suatu kemustahilan akliah. Hal ini disebabkan adalah mustahil kebenaran kesemua agama seperti contohnya agama yang benar di sisi Harry ialah agama Kristian, manakala dan agama yang benar di sisi Joe ialah agama Yahudi. Walaupun Soroush tidak membincangkan mengenai kebenaran agama Islam, namun pada pendapat pengkaji, menurutnya juga bahawa agama yang benar di sisi Muslim adalah agama Islam. Dapat diulas bahawa mana mungkin kesemua agama iaitu Kristian, Yahudi dan Islam adalah benar. Agama selain daripada Islam tidak diiktiraf oleh Allah SWT berdasarkan panduan al-Quran dalam surah Ali Imran ayat 19 yang menyatakan bahawa:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Ali Imran 3: 19

Terjemahan: Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.

Berdasarkan ayat ini, dapat dihuraikan bahawa agama yang benar dan yang diredai oleh Allah SWT ialah agama Islam sahaja. Sesiapa yang mencari agama selain daripada agama Islam, maka pada hari akhirat adalah tergolong dalam kalangan orang yang rugi. Manakala, golongan orang kafir akan berada dalam neraka buat selama-lamanya.

Selain itu, dapat diulas bahawa pengkategorian yang dilakukan oleh Soroush ini adalah tidak wajar. Hal ini kerana beliau telah mencampuradukkan antara perkara yang diterima oleh semua manusia iaitu kebenaran mutlak dan perkara yang merupakan kepercayaan beragama oleh sebahagian manusia seperti kepercayaan orang Muslim bahawa agama yang benar ialah Islam, kepercayaan orang Israel bahawa agama yang benar ialah Kristian, kepercayaan orang Yahudi bahawa agama yang benar ialah Yahudi. Kepercayaan beragama oleh sebahagian manusia ini merupakan kebenaran yang bergantung kepada konteks tertentu. Maka, pengkategorian oleh Soroush merupakan pengkategorian yang tidak munasabah. Selain itu, pemikiran Soroush

ini adalah sama dengan pemikiran golongan *Sufastaiyyah* iaitu kelompok *al-indiyyah* iaitu mereka menganggap segala sesuatu mempunyai hakikat serta menetapkan bahawa semua kepercayaan bersifat benar. Berdasarkan perbincangan ini menunjukkan Muslim liberal tetap menerima ketidaktepatan, walaupun pada satu kategori mereka mengiktiraf adanya ketepatan.

Kesimpulannya, Abou El Fadl mengkritik kemampuan manusia sebagai agen dalam menanggapi hakikat tersebut. Ini menunjukkan bahawa beliau tidak menolak kesedaran yang hadir dalam hati seseorang namun tidak mensabitkan bahawa kesedaran yang ditasawurkan oleh manusia adalah bertepatan dengan hakikat kerana menganggap bahawa kemampuan manusia adalah terbatas dalam mencapai ketepatan makna kepada hakikat. Selain itu, Moosa menyebut bahawa faktor sosiologi dan psikologi membentuk ketepatan makna kepada hakikat yang dapat disimpulkan bahawa ia bukan ketepatan makna kepada hakikat menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah. Di samping itu, Soroush mempunyai premis yang tersendiri mengenai ketepatan makna kepada hakikat bergantung kepada konteks tertentu. Kesemua pendapat yang dikemukakan oleh Muslim liberal adalah bercanggah dengan penjelasan yang dikemukakan oleh al-Baghdadi dan Ahli Sunnah Wal Jamaah mengenai ketepatan makna kepada hakikat sebagaimana ianya.

Kesimpulan

Muslim liberal tidak mensabitkan ketepatan makna kepada hakikat sebagaimana ianya berdasarkan kepada faktor keterbatasan manusia, sosiologi dan psikologi serta konteks berbeza dengan pegangan al-Baghdadi yang mewakili Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mensabitkan ketepatan makna kepada hakikat sebagaimana ianya. Implikasi daripada epistemologi Muslim liberal yang tidak mensabitkan ketepatan makna kepada hakikat sebagaimana ianya merupakan asas akar pemikiran pasca modenisme yang menganggap bahawa ilmu pengetahuan adalah bersifat relatif. Pandangan Muslim liberal yang menganggap bahawa ilmu pengetahuan adalah bersifat relatif ini amat berbahaya kepada pegangan akidah umat Islam. Pemikiran relatif ini memunculkan fahaman bahawa segala hakikat sesuatu tidak bersifat mutlak dan semua makna yang terhasil terserah kepada penilaian seseorang yang tentunya akan berbeza antara seseorang individu dengan yang lainnya khususnya dalam bidang akidah yang

memerlukan sumber wahyu sebagai asas epistemologi. Fahaman sebegini memuarakan kelahiran fahaman yang asing dalam pemikiran Islam di mana akhirnya dunia Islam terpaksa menerima pemikiran yang tidak selari dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini menunjukkan kelompangan yang besar dalam epistemologi Muslim liberal berbanding pemikiran epistemologi Ahli Sunnah Wal Jamaah yang mempunyai ciri epistemologi yang mantap dan stabil. Rumusan keseluruhannya menunjukkan bahawa ketepatan mesti disabitkan kerana ketepatan adalah salah satu elemen ilmu.

Rujukan

- Abdul Karim Soroush. "Truth, Reason, Salvation." Laman sesawang *drsoroush.com*, https://www.dr Sorosush.com/PDF/E-INT-20001000-Truth_Reason_Salvation-Interview_with_Soroush.pdf.
- _____. *The Expansion of Prophetic Experience: Essays on Historicity, Contingency and Plurality in Religion: In The Expansion of Prophetic Experience*. Leiden: Brill, 2009.
- Abi Bakr Muhammad bin al-Tayyib bin al-Baqillani. *Al-Tamhid fi al-Radd 'ala Mulhidah al-Mu'attilah wa al-Rafidah wa al-Khawarij wa al-Mu'tazilah*. Kaehrah: Matba'ah Lajnah al-Ta'lif wa al-Tarjumah wa al-Nashr, 1947.
- Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad al-Jurjani. *al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2000.
- Al-Baghdadi, Abu Mansur Abd al-Qahir bin Tahir. *I'yar al-Nazar fi 'Ilm al-Jadal*. Kuwait: t.pt, t.th.
- _____. *Usul al-Din*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Alamiyyah, 2002.
- Al-Ghazali. *Ihya 'Ulum al-Din*. Mesir: Matba'ah al-Azhariyyah, 1884.
- Brian Duignan. "Postmodernism." Laman sesawang *Encyclopædia Britannica*, diakses 10 Oktober 2018, <https://www.britannica.com/topic/postmodernism-philosophy>.
- Daud bin Abdullah al-Fathani. *Al-Durr al-Thamin: Permata yang Indah*. Batu Caves: al-Hidayah, 2011.
- Ebrahim Moosa. *Ghazali and the Poetics of Imagination*. London: University of North Carolina Press, 2005.
- Ibrahim Abu Bakar. "Epistemologi dalam Perspektif *Mutakallimun*." Dalam *Islam Akidah dan Kerohanian*, ed. Zakaria Stapa dan Mohamed Asin Dollah. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

- Khaled Abou El Fadl. "The Epistemology of The Truth in Modern Islam." *Journal Philosophy and Social Criticism* 41 (2015): 473–486.
- _____. *Reasoning with God: Reclaiming Shari'ah in The Modern Age*. New York: Rowman & Littlefield, 2014.
- Mohd Radhi Ibrahim. "The Theology of Knowledge: A Study on the Definition of Knowledge Among The Early *Mutakallimun*." *Jurnal AFKAR* 12 (2011): 1-20.
- Sa'd al-Din Mas'ud ibn 'Umar, al-Taftazani. *Sharh al-'Aqid al-Nasafiyyah*. al-Bushra Publisher: Parkistan, 2009.
- Wan Adli Wan Ramli & Mohamad Kamil Ab Majid. "Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal." *Jurnal Usuluddin* 33 (2011):113-138.
- Zainul Abidin bin Muhammad al-Fathani. *'Aqidah al- Najin*. Batu Caves: al-Hidayah, 2011.

